

Faedah kompaun

Pengiraan faedah kompaun perlu mengambil kira kekerapan pengkompaunan atas prinsipal. Faedah kompaun dihitung dengan menggunakan rumus berikut:

$$MV = P \left(1 + \frac{r}{n} \right)^{nt}$$

MV = nilai matang (*matured value*)

P = prinsipal (*principal*)

r = kadar faedah tahunan (*the yearly interest rate*)

n = bilangan kali faedah dikompaun dalam setahun (*number of periods the interest is compounded per year*)

t = tempoh dalam tahun (*term in years*)

UJIDIRI

2. Puan Anis menyimpan RM600 ke dalam akaun simpanannya yang memberi kadar 3% setahun dan dikompaun setiap suku tahun. Berapakah jumlah wang simpanan Puan Anis pada akhir tahun ketiga?
3. Encik Baharin menyimpan RM1 000 di sebuah bank yang memberikan kadar faedah 2% setahun dan dikompaun setiap bulan. Berapakah jumlah faedah terkumpul Encik Baharin selepas 4 tahun?